

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Selasa, 26 November 2024



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK KECENDERUNGAN PERNIAGAAN SUKU TAHUN KEEMPAT 2024

Peniaga menjangkakan persekitaran perniagaan yang meyakinkan untuk suku keempat 2024, dengan petunjuk keyakinan positif +4.8 peratus, tertinggi sejak suku kedua 2022.

PUTRAJAYA, 26 NOVEMBER 2024 – Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini menerbitkan **Statistik Kecenderungan Perniagaan bagi Suku Tahun Keempat 2024**. Penerbitan ini memaparkan jangkaan prestasi perniagaan bagi tiga dan enam bulan yang akan datang. Statistik ini adalah berdasarkan Survei Kecenderungan Perniagaan yang dijalankan secara suku tahunan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Peniaga Malaysia menjangkakan persekitaran perniagaan yang meyakinkan pada suku keempat 2024, dengan petunjuk keyakinan positif +4.8 peratus, tertinggi yang dicatatkan sejak suku kedua 2022" **(Paparan I)**.

Merentasi semua sektor yang disurvei, sektor Perkhidmatan, Perdagangan Borong & Runcit serta Industri kekal optimis tentang keadaan perniagaan mereka pada masa hadapan. Petunjuk keyakinan bagi sektor Perkhidmatan mencatatkan peningkatan +13.1 peratus pada suku keempat 2024 daripada +8.3 peratus pada suku

sebelumnya. Selain itu, sentimen dalam sektor Perdagangan Borong & Runcit terus positif pada suku keempat 2024 dengan +5.5 peratus berbanding +1.4 peratus pada suku sebelumnya. Sektor Industri juga menjangkakan keadaan perniagaan yang menggalakkan bagi suku keempat 2024, dengan petunjuk keyakinan mencatatkan +1.2 peratus. Sementara itu, peniaga dalam sektor Pembinaan bertukar pesimis dengan petunjuk keyakinan -10.0 peratus pada suku rujukan berbanding +2.2 peratus yang dicatatkan pada suku ketiga 2024 **(Paparan II)**.

Melihat ke hadapan, jangkaan perniagaan bagi tempoh Oktober 2024 hingga Mac 2025 kekal meyakinkan dengan imbalan bersih +13.8 peratus berbanding +23.5 peratus yang dicatatkan sebelum ini **(Paparan III)**. Semua sektor menjangkakan perspektif perniagaan yang lebih cerah untuk enam bulan akan datang. Sentimen dalam kalangan sektor Perkhidmatan kekal positif dengan imbalan bersih +27.5 peratus bagi tempoh yang sama berbanding +30.8 peratus yang dicatatkan pada suku lepas. Sektor Perdagangan Borong & Runcit juga meramalkan prospek perniagaan yang optimistik dengan imbalan bersih +16.7 peratus berbanding +10.6 peratus untuk tempoh Oktober 2024 hingga Mac 2025. Pada masa yang sama, sektor Pembinaan menjangkakan keadaan perniagaan yang menggalakkan dengan imbalan bersih +16.0 peratus berbanding +21.7 peratus sebelumnya. Sektor industri juga meramalkan prospek perniagaan yang lebih baik, dengan imbalan bersih +4.3 peratus bagi tempoh Oktober 2024 hingga Mac 2025 **(Paparan IV)**.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
26 NOVEMBER 2024**


Paparan I: Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan, Malaysia, 2022 – 2024



Paparan II: Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan Mengikut Sektor, Malaysia, 2023 – 2024



Paparan III: Imbangan Bersih Jangkaan Prestasi Perniagaan Bagi Enam Bulan Akan Datang, Malaysia, 2022 – 2024



Paparan IV: Imbangan Bersih Suku Tahunan Mengikut Sektor, Malaysia, 2023 – 2024

